

PENGLIBATAN KOMUNITI IBAN DALAM SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (SPKR) DI DAERAH SONG, SARAWAK

Kwok Chin Hoe¹, Haris Abd Wahab²

¹Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Malaysia
kwokchinhoe@yahoo.com

²Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Malaysia
haris@um.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada penglibatan komuniti Iban dalam Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di Sarawak dengan tujuan (i) mengenal pasti latar belakang demografi dan sosioekonomi komuniti Iban dan (ii) menentukan bentuk-bentuk penglibatan komuniti Iban dalam program di bawah SPKR. Kajian ini merupakan kajian mikro dengan menumpukan kepada sebuah daerah iaitu Daerah Song di Bahagian Kapit, Sarawak. Pendekatan kuantitatif yang melibatkan tinjauan deskriptif digunakan. Sampel terdiri daripada 260 responden yang ditentukan berlandaskan tiga lapis prosedur sampel rawak bagi memilih (i) kawasan rumah panjang, (ii) rumah panjang dan (iii) responden kajian. Maklumat kajian pula diperolehi melalui sumber-sumber sekunder dan primer. Sumber sekunder didapati melalui tinjauan perpustakaan dan data primer dikumpul menerusi set borang soal selidik yang dibina berpandukan objektif kajian. Analisis kajian dilakukan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences 16.0* (SPSS 16.0). Penemuan kajian menunjukkan komuniti Iban yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada lelaki (85.8%) dan wanita (14.2%). Penglibatan mereka pula meliputi penyertaan dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program di bawah SPKR. Kajian mendapati tahap penglibatan sebilangan besar komuniti Iban dalam membuat keputusan (66.2%), pelaksanaan (61.5%), berkongsi manfaat (65.8%) dan penilaian (57.7%) adalah pada tahap sederhana.

Keywords: komuniti Iban, pembasmian kemiskinan, penglibatan komuniti

PENDAHULUAN

Di Malaysia, isu kemiskinan mula mendapatkan perhatian serius daripada pihak pemerintah dengan tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa ini membayangkan bahawa wujudnya pelbagai masalah terutamanya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Maka dengan itu, Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1970 dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP 1) yang melibatkan tempoh rancangan selama dua puluh tahun (1971-1990) (Rahmah Kassim, 1996). Pelaksanaan rangka rancangan ini menekankan serampang dua mata iaitu untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula komuniti di negara ini (Chamhuri, 1988). Setelah tempoh pelaksanaan DEB tamat, usaha pembasmian kemiskinan secara tersusun dan komprehensif ini diteruskan dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) 1991-2000 dan Dasar Wawasan Negara (DWN) 2001-2010. Natijahnya, kadar kemiskinan di Malaysia telah menurun dengan ketara sejak tahun 1970. Pada tahun 1970 kadar kemiskinan di Malaysia ialah sebanyak 50 peratus. Pada tahun 2005, kadar kemiskinan di Malaysia ialah sebanyak 5.7 peratus (Abdul Rahman, 2007). Manakala pada tahun 2009, kadar kemiskinan di Malaysia terus berkurangan kepada 3.8 peratus.

Usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan ini dilakukan melalui pelbagai program pembasmian kemiskinan. Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) merupakan salah satu daripada bukti usaha tersebut. Usaha utama yang dilaksanakan di bawah SPCR adalah untuk membangunkan sumber manusia, menyediakan infrastruktur sosial dan meningkatkan pendapatan mereka yang berpendapatan rendah (RMK-8, 2001). Walaupun kerajaan telah membelanjakan sejumlah besar peruntukkan kewangan untuk melaksanakan SPCR, namun demikian usaha-usaha tersebut masih tidak menampakkan perubahan yang ketara. Ketidakterhasilan program tersebut dikaitkan dengan kurangnya komited dalam kalangan peserta skim untuk melibatkan diri dalam program-program yang dilaksanakan di bawah SPCR (Zazali, 2004). Sedangkan literatur membuktikan bahawa penglibatan golongan penerima manfaat merupakan kunci kejayaan kepada program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan. Tanpa adanya penglibatan yang aktif dalam kalangan penerima manfaat, pelaksanaan program yang berorientasikan kesejahteraan rakyat tidak akan wujud. Ini kerana golongan penerima manfaat program lebih tahu akan keperluan mereka dan cara mengatasi permasalahan pembangunan yang berlaku dalam kalangan mereka. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, maka kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bentuk-bentuk penglibatan komuniti Iban dalam program pembasmian kemiskinan di Daerah Song, Sarawak.


PENGLIBATAN KOMUNITI

Awortwi (2012) merujuk penglibatan komuniti sebagai proses dimana orang-orang yang sepatutnya mendapat manfaat daripada projek-projek pembangunan tempatan mempengaruhi hala tuju dan pelaksanaannya dan bukannya hanya menerima bahagian manfaat. Fatemeh (2011) pula mendefinisikan penglibatan komuniti itu sebagai satu mekanisme yang memberi kuasa kepada komuniti untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pembangunan komuniti yang bersangkutan dengan komuniti tersebut. Cohen dan Uphoff (1977) pula melihat penglibatan komuniti sebagai "*people's involvement in the decision-making processes, in implementing programmes, sharing in the benefits of development programmes and their involvement in the efforts to evaluate such programmes*" (Cohen dan Uphoff, 1977). Takrifan yang diberikan oleh mereka memberi penekanan bahawa penglibatan komuniti haruslah merangkumi empat aspek utama iaitu penglibatan dalam membuat keputusan, penglibatan dalam pelaksanaan program, penglibatan dalam berkongsi manfaat dan penglibatan dalam penilaian program pembangunan. Menerusi pendekatan penglibatan, penduduk setempat memiliki pengalaman dan pandangan yang lebih luas tentang apa yang mampu berfungsi, apa yang tidak berfungsi dan mengapa ianya sedemikian. Selain itu, penglibatan penduduk setempat dalam projek-projek perancangan juga mampu meningkatkan komitmen mereka terhadap projek tersebut, membantu mereka membangunkan kemahiran teknikal dan pengurusan organisasi yang akan meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan (World Bank, 1966; Rifkin dan Kangere, 2001; Pretty, 1995). Bagi tujuan penyelidikan ini, fokus pengertian penglibatan yang digunakan adalah definisi penglibatan yang dikemukakan oleh Cohen dan Uphoff (1977), kerana definisi tersebut selaras dengan objektif kajian ini. Oleh itu, hanya aktiviti-aktiviti komuniti setempat yang berkaitan dengan penglibatan dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian aktiviti pembangunan sosial dianggap sebagai penglibatan dalam kajian ini.

METODOLOGI


Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan tinjauan deskriptif. Kajian yang bersifat mikro ini menumpukan kepada sebuah daerah di Bahagian Kapit, Sarawak iaitu Daerah Song sebagai lokasi kajian (Rajah 1.0). Bahagian Kapit mempunyai tiga daerah pentadbiran iaitu Daerah Song, Daerah Kapit dan Daerah Belaga yang membentuk bahagian terbesar di Negeri Sarawak dengan keluasaan 38,934 kilometer persegi (Rajah 2.0). Daerah Song yang terletak di Wilayah Tengah Negeri Sarawak dan bersempadan dengan Kalimantan Selatan dengan keluasaan 3,935.20 kilometer persegi telah menjadi sebuah daerah bersama dengan pengiisytiharan Kapit sebagai sebuah bahagian pentadbiran dalam negeri Sarawak pada 2 April 1973 (Profil Daerah Song). Penduduk di Daerah Song terdiri daripada pelbagai kaum. Berdasarkan Bancian Perumahan dan Penduduk Tahun 2010, terdapat seramai 20,595 orang (data anggaran penduduk Bahagian Kapit bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2010) yang mendiami Daerah Song. Dari segi komposisi etnik pula, kaum Iban merupakan kaum majoriti diikuti kaum Cina, kaum Melayu, Bumiputera lain dan Melanau. Untuk tujuan kajian ini seramai 260 responden dipilih menerusi tiga tahap persampelan rawak iaitu (i) pemilihan kawasan rumah panjang, (ii) pemilihan rumah panjang dan (iii) pemilihan responden. Maklumat kajian pula dikumpul melalui temu bual berstruktur menggunakan borang soal selidik. Maklumat yang diperolehi melalui temu bual berstruktur dianalisis menggunakan perisian SPSS 16.0.

Rajah 1.0 : Peta Bahagian Pentadbiran Negeri Sarawak



Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian, Sarawak

Rajah 2.0 : Peta Bahagian Kapit, Sarawak



Sumber: Pejabat Daerah Song

PROFIL RESPONDEN KAJIAN

Berdasarkan analisis data kajian, didapati sebahagian besar (85.8%) daripada KIR yang telah turut serta mengambil bahagian dalam kajian ini adalah terdiri daripada golongan lelaki. Hanya sebilangan kecil (14.2%) daripada KIR di rumah panjang yang telah ditemubual adalah golongan wanita. Dari segi umurnya pula, purata umur KIR di rumah panjang yang menjadi responden kajian adalah 57 tahun. Umur minima KIR yang telah terlibat dalam soal selidik ini adalah 34 tahun dan umur maksimumnya pula adalah 86 tahun. Analisis data kajian turut menunjukkan sebahagian besar (88.5%) daripada KIR komuniti Iban di rumah panjang adalah mereka yang telah berkahwin. Hanya 3.8 peratus adalah KIR yang belum berkahwin. Responden selebihnya adalah KIR yang berstatus duda (1.2 %), janda (2.7%) dan balu (3.8%). Tinjauan yang dijalankan mendapati purata bilangan isi rumah dalam sesebuah isi rumah adalah 6 orang. Hampir separuh (48.1%) daripada KIR adalah mereka yang tinggal dalam bilangan isi rumah antara 4 hingga 6 orang. Bilangan isi rumah maksima dalam sesebuah keluarga adalah 13 orang. Terdapat juga KIR dalam kalangan komuniti Iban di rumah panjang yang tinggal berseorangan. Dari segi tahap pendidikan pula, lebih separuh (58.5%) daripada keseluruhan responden kajian yang telah ditemubual menyatakan mereka tidak pernah mendapatkan pendidikan sama ada secara formal atau pun tidak formal. Sebanyak 38.1 peratus lagi adalah mereka yang berjaya mendapatkan pendidikan sehingga SPR dan UPSR. Hanya 3.1 peratus (lapan orang) daripada KIR komuniti Iban di rumah panjang yang ada mendapatkan pendidikan sehingga PMR. Selebihnya (0.4%) atau seorang sahaja daripada 260 KIR yang telah terlibat dalam kajian ini memiliki tahap pendidikan sehingga SPM. Lebih separuh (58.5%) daripada KIR di rumah panjang adalah mereka yang bekerja sebagai petani.

PENGLIBATAN KOMUNITI IBAN DALAM SPKR

Penglibatan komuniti Iban dalam SPKR dalam kajian ini diteliti berdasarkan empat bentuk penglibatan yang dikemukakan oleh Cohen dan Uphoff (1977) iaitu (i) penglibatan dalam

membuat keputusan, (ii) penglibatan dalam pelaksanaan, (iii) penglibatan dalam berkongsi manfaat dan (iv) penglibatan dalam penilaian program-program di bawah SPKR. Keempat-empat bentuk penglibatan yang dikemukakan oleh Cohen dan Uphoff (1977) itu dianggap paling signifikan dan mencakupi apa yang umumnya dirujuk sebagai penglibatan dalam aktiviti pembangunan luar bandar.

Penglibatan Dalam Membuat Keputusan

Penglibatan dalam membuat keputusan merupakan fokus khusus kebanyakan program pembangunan komuniti (Randell, 2004). Dengan melibatkan diri dalam proses membuat keputusan, komuniti setempat mampu memastikan program pembangunan yang akan dilaksanakan di tempat mereka kelak adalah program pembangunan yang dapat memenuhi keperluan dan sesuai dengan “cita rasa” mereka. Dengan demikian, komuniti setempat dapat merasakan bahawa program pembangunan tersebut adalah milik mereka. Ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan tahap penyertaan dan komitmen ahli komuniti dalam menjayakan pelaksanaan aktiviti dan program pembangunan tersebut. Dalam kajian ini, penglibatan komuniti Iban dalam membuat keputusan berkaitan dengan program-program di bawah SPKR diukur menerusi sepuluh dimensi utama iaitu (i) kehadiran dalam mesyuarat; (ii) menanyakan soalan dalam perjumpaan dan perbincangan program di bawah SPKR; (iii) memberi pendapat dalam perbincangan pelaksanaan program di bawah SPKR; (iv) menilai masalah pelaksanaan aktiviti program di bawah SPKR; (v) menyelesaikan masalah pelaksanaan program di bawah SPKR; (vi) membuat keputusan mengenai pelaksanaan aktiviti program di bawah SPKR; (vii) membuat keputusan dalam pengagihan manfaat program di bawah SPKR; (viii) membuat perancangan aktiviti program di bawah SPKR; (ix) mengurus konflik penduduk rumah panjang dalam pelaksanaan program di bawah SPKR dan (x) mewakili penduduk rumah panjang dalam perbincangan dengan agensi pelaksana program di bawah SPKR. Ketetapan dibuat bahawa KIR telah melibatkan diri dalam aktiviti membuat keputusan program di bawah SPKR apabila mereka telah turut serta dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti membuat keputusan yang disenaraikan di atas. Dari segi tahap penglibatan komuniti Iban dalam membuat keputusan program di bawah SPKR, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (66.2%) daripada KIR berada pada tahap sederhana (Jadual 1.1). Manalaka bilangan KIR yang berada pada tahap tinggi (18.1%) adalah lebih ramai berbanding dengan KIR yang berada pada tahap rendah (5.2%) dalam membuat keputusan berkaitan dengan program di bawah SPKR. Analisis data kajian turut menunjukkan 10 peratus (dua puluh enam orang) KIR tidak terlibat dalam mana-mana aktiviti membuat keputusan berkaitan dengan program di bawah SPKR.

Jadual 1.1 : Tahap Penglibatan dalam Membuat Keputusan

Tahap Penglibatan Dalam Membuat Keputusan	Bil	%
Tidak Terlibat (Skor 0)	26	10.0
Rendah (Skor ≤ 1.5)	15	5.8
Sederhana (Skor 1.6 – 14.0)	172	66.2
Tinggi (Skor ≥ 14.1)	47	18.1
Jumlah	260	100.0

Skor Purata = 7.79
 Sisihan Piawai = 6.27

Skor minima = 0
 Skor maksima = 30

Penglibatan Dalam Pelaksanaan

Penglibatan komuniti Iban dalam pelaksanaan program di bawah SPKR diteliti berdasarkan penerimaan program di bawah SPKR serta sumbangan yang mereka hulurkan sepanjang program tersebut dijalankan di tempat mereka. Penerimaan program dilihat dari segi penerimaan sembilan program yang dilaksanakan di bawah skim tersebut iaitu Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya (PLKK), Program Bantuan Rumah (PBR), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS), Program Makanan Tambahan Seimbang (PMTS) dan Program Amanah Saham Bumiputera (ASB Sejahtera). Manakala sumbangan oleh komuniti Iban dalam program-program di bawah SPKR pula diteliti berdasarkan sumbangan mereka dalam pelaksanaan program, sumbangan tenaga fizikal, sumbangan kewangan dan sumbangan peralatan dan kemudahan. KIR dalam kajian ini dianggap telah melibatkan diri dalam aktiviti pelaksanaan program di bawah SPKR apabila mereka telah turut serta dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti pelaksanaan yang disenaraikan di atas. Setelah analisis data dilakukan, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (61.5%) komuniti Iban di rumah panjang berada pada tahap penglibatan sederhana dari segi pelaksanaan program di bawah SPKR (Jadual 1.2). Bilangan komuniti Iban yang berada pada tahap penglibatan tinggi (18.8%) dan tahap penglibatan rendah (19.6%) dalam pelaksanaan program di bawah SPKR adalah hampir sama.

Jadual 1.2 : Tahap Penglibatan Dalam Pelaksanaan

Penglibatan Dalam Pelaksanaan	Bil	%
Rendah (Skor \leq 3.1)	51	19.6
Sederhana (Skor 3.2 – 11.5)	160	61.5
Tinggi (Skor \geq 11.6)	49	18.8
Jumlah	260	100.0

Skor Purata = 7.37
Sisihan Piawai = 4.23

Skor minima = 1
Skor maksima = 19

Penglibatan Dalam Berkongsi Manfaat

Salah satu bentuk penglibatan yang penting dalam pelaksanaan program pembangunan dan pembasmian kemiskinan adalah penglibatan dalam berkongsi manfaat daripada program tersebut. Sekiranya tidak wujud sebarang bentuk manfaat atau faedah yang dinikmati oleh ramai hasil dari penyertaan mereka dalam program pembangunan, maka penglibatan mereka itu tidak bermakna dan dalam pada masa yang sama berkemungkinan menjejaskan kesanggupan ahli komuniti untuk melibatkan diri dalam program pembangunan tersebut. Manfaat yang ditawarkan menerusi program pembangunan yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah antara elemen penting yang mampu menarik penyertaan orang ramai untuk turut serta mengambil bahagian dalam menjayakan program pembangunan yang telah dirancang untuk mereka. Menurut Awortwi (2012), anggota masyarakat hanya akan mengambil bahagian secara sukarela dalam program pembangunan yang dilaksanakan hanya apabila manfaat yang diperolehi melebihi kos yang perlu ditanggung. Penglibatan komuniti Iban dalam berkongsi manfaat program di bawah SPKR ditentukan berdasarkan penyertaan mereka dalam dua bentuk penerimaan manfaat iaitu penerimaan kemudahan dan penerimaan faedah sosial. Penerimaan manfaat kemudahan diukur

berdasarkan kadar penerimaan bantuan seperti benih tanaman dan ternakan, peralatan dan bahan binaan, baja dan makanan ternakan perkhidmatan pemasaran serta khidmat nasihat yang ditawarkan dalam program-program di bawah SPKR. Manakala penerimaan manfaat sosial pula diukur berdasarkan aspek penyertaan mereka dalam aktiviti lawatan, peningkatan pengetahuan, peningkatan kemahiran diri serta penyertaan dalam aktiviti latihan, kursus dan bengkel. Ketetapan dibuat bahawa komuniti Iban di rumah panjang telah terlibat dalam aktiviti berkongsi manfaat program di bawah SPKR apabila mereka telah turut serta dalam menerima manfaat dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti berkongsi manfaat yang dinyatakan di atas. Penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (65.8%) komuniti Iban di rumah panjang berada pada tahap penglibatan sederhana dari segi berkongsi manfaat program-program yang dilaksanakan di bawah SPKR (Jadual 1.3). Turut didapati lebih ramai KIR yang berada pada tahap penglibatan rendah (18.5%) berbanding dengan mereka yang berada pada tahap penglibatan tinggi (15.4%) dalam berkongsi manfaat dari segi kemudahan dan faedah sosial menerusi program di bawah SPKR. Hanya seorang (0.4%) daripada KIR tidak terlibat dalam mana-mana aktiviti berkongsi manfaat program di bawah SPKR yang dilaksanakan di rumah panjang mereka.

Jadual 1.3 : Tahap Penglibatan Dalam Berkongsi Manfaat

Penglibatan Dalam Berkongsi Manfaat	Bil	%
Tidak Terlibat (Skor 0)	1	0.4
Rendah (Skor ≤ 1.8)	48	18.5
Sederhana (Skor 1.9 – 10.3)	171	65.8
Tinggi (Skor ≥ 10.4)	40	15.4
Jumlah	260	100.0

Skor Purata = 6.09
 Sisihan Piawai = 4.33

Skor minima = 0
 Skor maksima = 17

Penglibatan Dalam Penilaian

Selain daripada melibatkan ahli komuniti dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan dan berkongsi manfaat, agensi pelaksana juga perlu melibatkan ahli komuniti dalam membuat penilaian program pembangunan yang dilaksanakan. Penglibatan anggota masyarakat dalam penilaian dapat membatu meningkatkan kuantiti dan kualiti maklumat yang boleh didapati pada program (Cummings, 1997). Penyertaan ahli komuniti dalam penilaian program juga merupakan bukti penggunaan sumber, pencapaian objektif, bank maklumat, strategi pemasaran, memperbaiki program dan mendapat penghargaan hasil daripada penyertaan mereka (Haris, 2009). Dalam kajian ini, penglibatan komuniti Iban dalam aktiviti penilaian program-program di bawah SPKR dilihat dari aspek kekerapan mereka mengadakan perbincangan kemajuan program dengan rakan-rakan, jiran, pemimpin tempatan, JKKK, pegawai program SPKR dan pegawai daripada agensi lain. KIR dianggap telah melibatkan diri dalam aktiviti penilaian program di bawah SPKR apabila mereka telah turut serta dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti penilaian di atas. Penemuan kajian menunjukkan lebih separuh (57.7%) daripada KIR di rumah panjang berada pada tahap sederhana dalam aktiviti membuat penilaian program di bawah SPKR (Jadual 1.4). Bilangan KIR yang berada pada tahap penglibatan tinggi (25.4%) adalah lebih ramai berbanding dengan yang berada pada tahap penglibatan rendah (16.2%). Cuma 0.8 peratus

(dua orang sahaja) KIR yang tidak terlibat dalam mana-mana aktiviti penilaian berkait dengan program di bawah SPKR.

Jadual 1.4 : Tahap Penglibatan Dalam Penilaian

Penglibatan Dalam Penilaian	Bil	%
Tidak Terlibat (Skor 0)	2	0.8
Rendah (Skor ≤ 3.7)	42	16.2
Sederhana (Skor 3.8 – 10.3)	150	57.7
Tinggi (Skor ≥ 10.4)	66	25.4
Jumlah	260	100.0

Skor Purata = 7.04
Sisihan Piawai = 3.34

Skor minima = 0
Skor maksima = 12

PENUTUP

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan penglibatan komuniti Iban dalam program di bawah SPKR berdasarkan keempat-empat bentuk penglibatan iaitu penglibatan dalam membuat keputusan, penglibatan dalam pelaksanaan, penglibatan berkongsi manfaat dan penglibatan dalam penilaian adalah berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun hasil yang diperolehi mendapati bahawa masih ramai bilangan komuniti Iban di rumah panjang yang berada pada tahap rendah dalam empat bentuk penglibatan tersebut. Usaha penambahbaikan perlu dilakukan oleh agensi pelaksana untuk meningkatkan lagi penyertaan peserta program dalam program pembasmian kemiskinan. Ini kerana kegagalan agensi pelaksana melibatkan golongan miskin dalam reka bentuk program pembangunan merupakan antara punca yang menyebabkan berlakunya kemiskinan (World Bank, 1996). Kajian terdahulu turut membuktikan keberkesanan penglibatan komuniti dalam pembasmian kemiskinan. Seperti yang diperkatakan oleh Njunwa (2010), penglibatan komuniti memberi kuasa kepada komuniti untuk membuat keputusan berhubungkait dengan perkara-perkara yang menjejaskan kehidupan mereka secara langsung. Penglibatan komuniti juga dapat mewujudkan kepercayaan dalam kalangan komuniti bahawa mereka memiliki proses pembangunan tersebut serta memastikan pembangunan mapan dan kesinambungan proses pembangunan. Berdasarkan fakta ini, program-program pembasmian yang sedia ada khususnya program di bawah SPKR perlulah memberi penekanan pendekatan penglibatan dalam pelaksanaan program-program tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong (2007). *Pembangunan negara, komuniti dan insan melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian dan Antarabangsa.
- Awortwi, N. (2012). The riddle of community development: Factors influencing participation and management in twenty-nine African and Latin American communities. *Community Development Journal*, 1-16.
- Chamhuri Siwar (1988). *Dasar dan strategi pembasmian kemiskinan: Kumpulan rencana tentang kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cohen, J. & Uphoff, N. T. (1977). *Rural development participation: Concepts and measures for project design, implementation and evaluation*. New York: Cornell University Ithaca.

Cummings, F. H. (1997). Role of participation in the evaluation and emplementation of development projects. *Knowledge and Policy: The International Journal of Knowledge Transfer and Utilization*, 10(1/2), 24-33.

Haris Abd. Wahab (2009). *Penilaian keperluan dalam pembangunan komuniti: Kajian kes di negeri Kelantan*. Tesis PhD, Universiti Malaya.

Njunwa, K. M. (2010). *Community participation as a tool for development: Local community's participation in primary education development in Morogoro, Tanzania-A case of Kilakala and Mindu Primary Schools*. Master Thesis, The University of Agder, Kristiansand.

Randell, M. (2004). Constructing participation spaces. *Community Development Journal*, 39(2), 144-155.

World Bank (1996). *The World Bank participation sourcebook*. Washington DC: World Bank.

Zazali Salehudin. (2004). Dasar, strategi dan pelaksanaan kemiskinan daripada perspektif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Dalam Mohamad Khairudin Mohamad & Ahmad Syahir Sarani (eds), *Pembasmian kemiskinan bandar dan luar bandar*. Petaling Jaya: Institut Perkembangan Minda (INMIND).